

573:

MAHATHIR-PELAJARAN

1976

MERSING, 28 JUN (BERNAMA) -- KEJAYAAN PARA PELAJAR TIDAK BOLEH DIUKUR DARI KEPUTUSAN UJIAN ATAU PEPERIKSAAN SAJA TETAPI PEMBENTUKAN SIKAP MEREKA TERHADAP PELAJARAN, KATA DR. MAHATHIR MOHAMED.

INI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, AMAT PENTING KERANA PELAJARAN TIDAK BERHENTI DI SEKOLAH RENDAH SAJA TETAPI TERUS BERSAMBUNG KE PERINGKAT MENENGAH DAN YANG LEBIH TINGGI.

SEKIRANYA MURID-MURID SEKOLAH RENDAH DAPAT MEMBENTUK SIKAP POSITIF IAITU INGIN BELAJAR BERSUNGGUH-SUNGGUH, INI JUGA SATU KEJAYAAN BESAR YANG KEMUDIAN KELAK DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN YANG LEBIH CEMERLANG.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN, BERUCAP MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN SAWAH DATUK DISINI YANG BERTAMBAH \$167,000. -- BERSAMBUNG 1721/LK

574:

MAHATHIR-PELAJARAN 2 MERSING

KATANYA, TANPA PEMBENTUKAN SIKAP ITU PARA PELAJAR YANG TERBIAR PADA PERINGKAT UMUR YANG MASIH MUDA AKAN MENDAPAT SUKAR UNTUK MAJU DALAM PELAJARAN.

INI SUDAH TENTU AKAN MENIMBULKAN BANYAK MASAALAH KHUSUSNYA

DISIPLIN APABILA MEREKA SAMPAI KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI.

BELIAU MENGINGATKAN BAHAWA TIDAK ADA SEBUAH NEGARA BOLEH MEMBANGUN EKONOMINYA ATAU BIDANG-BIDANG LAIN TANPA MEMPUYAI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DIBIDANG-BIDANG ITU.

KERANA ITU PERHATIAN YANG SEWAJARNYA HENDAKLAH DIBERIKAN DIPERINGKAT SEKOLAH RENDAH LAGI SUPAYA MURID-MURID LEBIH BERSEDIA UNTUK MELENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU PENGETAHUAN DIPERINGKAT YANG LEBIH TINGGI. -- BERSAMBUNG 1723/LK

578:

MAHATHIR-PELAJARAN 3 MERSING

KEPADA PARA GURU, TIMBALAN PERDANA MENTERI MAHU MEREKA MENDIDIK MURID-MURID DENGAN BERKESAN.

PARA GURU HENDAKLAH MENUNJUKAN SIKAP DAN TAUHADAN BAIK YANG DITUNTUT OLEH TATASUSILA GURU DAN JUGA PROFESYEN MEREKA.

MEREKA TIDAK SEHARUNYA MELAKUKAN SESUATU YANG MENJOLOK MATA SEHINGGA MENJADI BUAH MULUT ORANG ATAU ANAK MURID.

JIKA INI BERLAKU BERARTI PARA GURU GAGAL MENJALANKAN TUGAS SAPERTI YANG DIHARAPKAN OLEH MASYARAKAT.

BELIAU MEMBERITAHU BAHAWA PUSAT PERKEMBANGAN KARIKULUM DI KEMENTERIAN PELAJARAN SEDANG MENCUBA SATU KAEDAH MENGAJAR YANG MENITEKBERATKAN MINAT, KECENDERONGAN DAN ALAM SEKELILING MURID-MURID YANG DIAJAR. -- BERSAMBUNG 1733/LK

580:

MAHATHIR-PELAJARAN 4 MERSING

SETAKAT INI PERCUBAAN YANG DIJALANKAN KIRA-KIRA SETAHUN LALU DAN AKAN DITERUSKAN SEHINGGA TAHUN 1979 DI TUJUH BUAH SEKOLAH RENDAH DI KUALA LUMPUR TELAH MENUNJUKAN HASIL YANG BAIK.

ADALAH DIHARAPKAN APABILA PROJEK INI TAMAT TEMPOHNYA KERAJAAN AKAN MEMPUNYAI CUKUP KETERANGAN DAN MAKLUMAT UNTUK MENGATASI BERBAGAI MASALAH MURID DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH DIBIDANG PELAJARAN.

MENGENAI KEMAJUAN PELAJARAN DI JOHOR, BELIAU BERKATA, DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEDUA HAMPIR 338 JUTA TELAH DIUNTUKAN DAN KIRA-KIRA 14.3 JUTA DARINYA BAGI PROJEK-PROJEK SEKOLAH RENDAH.

DALAM RM KETIGA, LEBIH BANYAK PERUNTUKAN AKAN DIBERIKAN DAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG BELUM MENDAPAT KEMUDAHAN, KHUSUSNYA DIKAWASAN KURANG MAJU, AKAN DIBERI KEUTAMAAN. — BERNAMA 1737/LK 603

603:

MAHATHIR-PELAJARAN 5 MERSING (SAMBUNGAN BERITA BILANGAN 587)

SEBELUM ITU KETIBAANNYA BERSAMA-SAMA ISTERINYA, DR. SITI HASMAH DI LAPANGAN TERBANG SRI PANTAI DEKAT SINI UNTUK LAWATAN DUA HARI KE JOHOR DISAMBUT MERIAH.

MENTERI BESAR, TAN SRI HAJI OTHMAN SAAT MENGETUAI ORANG-ORANG KENAMAAN NEGERI TERMASUK WAKIL-WAKIL RAKYAT MENYAMBUT KETIBAAN TIMBALAN PERDANA MENTERI. — BERNAMA 1855/LK